



**SKIM PERKHIDMATAN** : **PEGAWAI VETERINAR**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**  
**GRED** : **GV41**  
**TARAF JAWATAN** : **KONTRAK (*CONTRACT FOR SERVICE*)**  
**KEMENTERIAN / JABATAN** : **PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN**

#### **SYARAT LANTIKAN WAJIB**

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

#### **SYARAT LANTIKAN**

##### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED GV41:**

Kelayakan Masuk : Ijazah Sarjana Muda  
Bidang/Kelayakan Khusus : Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau ijazah dalam ilmu perubatan veterinar atau sains veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : **GV41 : RM 2,697.00**

##### **DAN**

Syarat Lantikan Tambahan : berdaftar di bawah Seksyen 12(1) Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) selaras dengan senarai kelayakan-kelayakan di Bahagian 1 Jadual Kedua.

Syarat Bahasa Melayu : Kepujian di peringkat SPM/SVM

#### **RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab mengawal penyakit-penyakit haiwan dan rawatannya, memastikan makanan ternakan selamat untuk pengguna, merancang dan menjalankan kerja-kerja pemeliharaan dan pembinaan mutu ternakan, menguatkuasakan undang-undang import bahan-bahan ternakan, mengawasi pusat-pusat kuarantin dan membuat laporan mengenai pembangunan dan kemajuan tahunan jabatan dan tugas pentadbiran jabatan yang lain.